

FAKTOR TARIKAN MASYARAKAT ORANG ASLI MEMELUK ISLAM DI SELANGOR

Ahmad Fauzi Shahar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mohd Hakim Arshad, Ahmad A'toa' Mokhtar, Zulkefli Aini
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ahmadfauzi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Mualaf atau nama lainnya 'saudara baru', 'saudara kita' adalah satu golongan yang telah diberikan hidayah oleh Allah SWT kepada mereka untuk memilih Islam sebagai panduan hidup yang sebenar. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui faktor tarikan sebagai penyebab masyarakat Orang Asli memeluk Islam. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan iaitu melalui pengedaran soal selidik. Seramai 40 orang responden dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang terlibat di dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai faktor seperti perkahwinan, bantuan kewangan, mendapat ilham, pengkajian, pengaruh orang lain dan minat mendalam terhadap Islam yang menjadi penyebab golongan masyarakat Orang Aslimemilih Islam sebagai agama baru mereka. Faktor-faktor ini boleh dijadikan panduan oleh para pendakwah untuk melakukan kerja-kerja dakwah terhadap masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: Faktor, Masyarakat Orang Asli, Islam, Selangor

1.PENDAHULUAN

Masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada populasi yang membentuk masyarakat Malaysia. Mereka dianggap sebagai satu kaum minoriti dengan jumlah yang dianggarkan di antara 140,000 hingga 180,000 orang. Menurut sumber dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah merekodkan seramai 180,458 orang masyarakat Orang Asli. Manakala bancian yang telah dijalankan oleh Banci Penduduk dan Perumahan 2000, catatan telah menunjukkan seramai 132,873 masyarakat Orang Asli, mewakili sejumlah 0.5% daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, JAKIM (2007) telah menganggarkan seramai 30,000 orang daripada masyarakat Orang Asli menganut Islam. Berdasarkan angka yang telah dinyatakan sebentar tadi, amatlah jelas bahawa satu perancangan yang teliti dan tersusun pada konteks dakwah perlulah dilaksanakan ke atas golongan komuniti ini. Satu proses dan pendekatan Islamik perlulah dilihat sebagai suatu proses yang sangat peting dan berupaya dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli.

Mengikut bancian tahun 2010 bilangan Orang Asli ialah 178,197 orang dan mereka merupakan masyarakat pribumi yang menetap di Semenanjung Malaysia. Dari segi taburan penempatan masyarakat Orang Asli, 38% di kawasan pedalaman, 61% di kawasan pinggir dan 1% di kawasan bandar. Mereka terdiri daripada tiga suku bangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Tiap-tiap tiga suku bangsa ini pula dipecahkan kepada enam suku kaum yang mana mereka bertutur dalam pelbagai bahasa selain daripada dialek Melayu tempatan (JAKOA 2011).

Di negeri Selangor, terdapat sebanyak 76 buah perkampungan Orang Asli yang diselia oleh PMOA, dari jumlah tersebut hanya 44 buah kampung sahaja yang mempunyai surau. Antara masjid/sarau yang aktif di perkampungan Orang Asli adalah Kampung Orang Asli (KOA) Ulu Kuang, KOA KOA Ulu Batu, KOA Batu 12 Gombak, KOA Tongkah, KOA Pulau Kempas, KOA Bukit Serdang. KOA Kepau Laut, KOA Sg. Judah, KOA Kolam Air, KOA Sg Pelek, KOA Rasau Hilir, KOA Desa Temuan, KOA Bukit Bandaraya, KOA Tun Abdul

Razak, Koa Sg Jang, KOA Broga, KOA Sg Gabai, KOA Pangsun, KOA Sg. Lalang dan sebagainya.

2. DEFINISI ORANG ASLI

Kamus Dewan (2015) telah mendefinisikan Orang Asli sebagai pribumi atau asal-usul keturunannya lahir dan tinggal di sesebuah wilayah atau negeri, bukannya sebagai orang asing mahupun mendatang (Kamus Dewan Bahasa). Istilah pribumi secara umumnya merujuk kepada kumpulan etnik natif di wilayah yang dituntut dan dipertahankan sepenuhnya oleh sesebuah negara. Kumpulan etnik ini telah wujud sebelum terbentuknya sebuah negara. Secara spesifiknya, masyarakat pribumi merujuk kepada sekumpulan penduduk asal negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli dan Melayu di Semenanjung dan pelbagai kumpulan etnik pribumi yang terdapat di Sabah dan Sarawak (Hasan Mat Nor, 1998).

3. AKTA ORANG ASLI 1954 (AKTA 134)

Akta 134, Akta Orang Asli 1954, Semakan 1974, Seksyen 3 memperuntukan Orang Asli seperti berikut (Web Rasmi JAKOA):

- i. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, bercakap dalam Bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli, adat dan kepercayaan suatu masyarakat Orang Asli dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki Orang Asli itu.
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa lahir oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.
- iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli. Berdasarkan takrif atau peruntukan Akta 134 tersebut, sesiapa sahaja boleh menjadi Orang Asli sekiranya memenuhi ciri-ciri yang telah dinyatakan dalam Akta 134 tersebut.

Iskandar Carey (1976) menyatakan bahawa istilah Orang Asli merujuk kepada dua perkataan berikut iaitu 'Orang' dan 'Asli'. Perkataan 'Orang' memberi maksud '*people*', manakala perkataan 'Asli' berasal dari Bahasa Arab '*Asali*', yang bermaksud '*original*', '*well-born*' atau '*aristoscrati*'. Sebelum penggunaan istilah Orang Asli diguna pakai, istilah '*aborigines*' sering kali digunakan, yang membawa maksud '*backwardness*' (kemunduran), '*underdevelopment*' (tidak maju) dan '*primitiveness*' (primitif). Akan tetapi penggunaan istilah tersebut menurut kerajaan Malaysia tidak sesuai digunakan dan diganti dengan penggunaan istilah Orang Asli, yang tidak mengandungi maksud seperti mundur, tidak maju dan primitif.

4. KATEGORI ETNIK

Masyarakat Orang Asli dipecahkan kepada tiga kumpulan utama dan setiap kumpulan tersebut diwakili oleh enam suku kaum dan tersebar di Semenanjung Malaysia, terutamanya di kawasan perhutanan, pergunungan, pulau-pulau, kuala sungai dan persisiran sungai (Siti Nor Awang & Juli Edo, 2003). Tiga kumpulan utama tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kaum Negrito: Kensui, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq.

- ii. Kaum Senoi: Temiar, Semai, Semoq Beri, Jahut, Mah Meri dan Che Wong.
- iii. Kaum Melayu-proto: Orang Kuala, Kanaq, Seletar, Jakun, Semelai dan temuan.

Jika dilihat dari kategori etnik Orang Asli seperti yang dinyaakan di atas, boleh dapati bahawa hampir keseluruhan Orang Asli berada di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Berdasarkan laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKOA pada tahun 2014, taburan masyarakat Orang Asli mengikut penduduk bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Jadual 1 Taburan masyarakat Orang Asli mengikut penduduk bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia (JAKOA 2014).

Negeri	Bil. Kampung	Penduduk		
		Lelaki	Perempuan	Jumlah
Pahang	262	35,323	32,183	67,506
Perak	255	22,716	25,583	53,299
Selangor	74	9,254	8,333	17,587
Kelantan	118	7,140	6,317	13,457
Johor	58	6,702	6,437	13,139
Negeri Sembilan	68	5,461	5,070	10,531
Melaka	14	778	737	1,515
Terengganu	3	474	419	893
Kedah	1	155	115	270
Jumlah	853	93,003	85,194	178,197

Manakala taburan masyarakat Orang Asli mengikut tiga kumpulan kaum bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia adalah sebagaimana yang tertera di bawah:

Jadual 2 Taburan masyarakat Orang Asli mengikut tiga kumpulan kaum bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia (JAKOA 2014)

Negeri	Bil. Kampung	Kumpulan Kaum			
		Senoi	Melayu Proto	Negrito	Jumlah
Pahang	262	29,439	37,140	925	67,504
Perak	255	50,281	605	2,413	53,299
Selangor	74	5,073	12,512	3	17,588
Kelantan	118	12,047	29	1,381	13,457
Johor	58	55	13,084	1	13,140
Negeri Sembilan	68	96	10,435	0	10,531
Melaka	14	28	1,486	1	1,515
Terengganu	3	818	41	34	893
Kedah	1	19	0	251	270
Jumlah	853	97,856	75,332	5,009	178,197

Berdasarkan statistik di atas, dapatlah dilihat bahawa sebanyak 853 kampung Orang Asli yang terdapat di seluruh negeri Semenanjung Malaysia kecuali negeri Perlis dan Pulau Pinang sahaja yang tidak mempunyai masyarakat Orang Asli. Taburan Orang Asli ini juga boleh dipecahkan lagi mengikut penduduk yang mana seramai 93,003 orang adalah daripada lelaki dan 85,194 orang daripada wanita dan menghasilkan jumlah sebanyak 178,197 orang masyarakat Orang Asli yang berada di Semenanjung Malaysia. Manakala taburan mengikut tiga kaum utama dapat dilihat bahawa kaum Senoi merupakan kaum yang terbanyak dengan jumlah sebanyak 97,856 orang diikuti dengan kaum Melayu-Proto seramai 75,332 orang dan kaum Negrito seramai 5,009 orang. Bagi penempatan Orang Asli pula, sebanyak 327 kampung terletak di kawasan pedalaman, 519 kampung di kawasan pinggir dan 6 buah kampung di kawasan bandar.

Di negeri Selangor, terdapat tiga suku kaum masyarakat Orang Asli iaitu suku Semai, Temuan dan Mah Meri. Bagi suku Mah Meri, mereka menetap di Pulau Carey, Klang. Manakala bagi suku Temuan, mereka boleh didapati hampir di seluruh daerah di Selangor. Kaum Temuan dan Mah Meri merupakan dua suku kaum yang utama di Negeri Selangor, manakala bagi kaum Semai, mereka boleh didapati di Hulu Selangor dan mereka merupakan kaum minoriti, di mana hanya terdapat dua buah perkampungan sahaja. Dibawah ini merupakan taburan kependudukan masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor (Laporan JAKOA Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan, 2014).

Jadual 3 Statistik Kependudukan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor (Laporan JAKOA Negeri Selangor, 2014)

Bil	Daerah	Bil	Bil Ketua Isi	Bil Ahli Isi	Bil Penduduk
-----	--------	-----	---------------	--------------	--------------

		Kampung	Rumah	Rumah	
1	Hulu Langat	9	614	1777	2391
2	Hulu Selangor	16	1047	3229	4276
3	Sepang	15	808	2453	3261
4	Kuala Langat dan Klang	22	1637	4458	6095
5	Gombak dan Petaling	12	1035	2703	3738
JUMLAH		74	5141	14,620	19,761

5. DAPATAN

Faktor tarikan yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini terbahagi kepada enam kategori, antaranya ialah perkahwinan, bantuan kewangan, mendapat ilham, pengkajian, pengaruh dan minat terhadap sesuatu. Bagi penentuan parameter tahap pengukuran min terhadap cabaran tersebut dijelaskan seperti dalam jadual 4.

Jadual 4 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad, 2006

i. Perkahwinan

Hasil kajian berkaitan perkahwinan golongan *mualaf* Orang Asli, penulis mendapati bahawa item 1 “Saya mengetahui akan kepentingan dan kelebihan perkahwinan di dalam agama Islam.” sebagai item yang paling menonjol. Misalnya, item 1, sebanyak 24 orang responden (60.0%) yang setuju berkaitan item tersebut. Terdapat 3 orang responden (7.5%) yang sangat bersetuju dengan item 1. Manakala terdapat 3 item yang kedua menonjol selepas item 1. Item yang dimaksudkan adalah item 2 “Saya mula mengenal Islam setelah melihat adat perkahwinan masyarakat Islam”, item 3 “perkahwinan masyarakat Islam yang mudah dan tidak menyusahkan membuka mata saya untuk mendalami Islam” seraiami 16 orang (40.0%) dan item 4 “Saya mengenal agama Islam setelah saya tertarik dan ingin mengahwini wanita Islam”, iaitu seramai 14 orang (35.0%) yang menjawab item-item tersebut. Sebanyak 5 item yang ditanyakan dan item yang paling rendah ialah item “perkahwinan diantara ibu dan bapa saya menyebabkan saya ingin mendekati agama Islam” iaitu hanya seramai 8 orang (20.0%) sahaja.. Untuk melihat keseluruhan jawapan yang diberikan boleh rujuk pada Jadual 5.

Jadual 5 Taburan faktor pemelukan Islam melalui perkahwinan *mualaf* Orang Asli

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat bersetuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
1	Saya mengetahui akan kepentingan dan kelebihan perkahwinan di dalam agama Islam.	3 (7.5%)	7 (17.5%)	3 (7.5%)	24 (60.0%)	3 (7.5%)

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)
 3rd INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)
 المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

2	Saya mula mengenal Islam setelah melihat adat perkahwinan masyarakat Islam.	5 (12.5%)	14 (35.0%)	4(10.0%)	16 (40.0%)	1 (2.5%)
3	Perkahwinan masyarakat Islam yang mudah dan tidak menyusahkan membuka mata saya untuk mendalami Islam.	6 (15.0%)	12 (30.0%)	2(5.0%)	16 (40.0%)	4 (10.0%)
4	Saya mengenal agama Islam setelah saya tertarik dan ingin mengahwini wanita Islam	7 (17.5%)	14 (35.0%)	1(2.5%)	14 (35.0%)	4 (10.0%)
5	Perkahwinan di antara ibu dan bapa saya menyebabkan saya ingin mendekati agama Islam.	9 (22.5%)	19 (47.5%)	2(5.0%)	8 (20.0%)	2 (5.0%)

Sumber: Soal Selidik, 2016

Dengan melihat kepada *mean* (min) dan *mode* (mod) dalam menganalisis hasil kajian berkaitan faktor pemelukan Islam melalui perkahwinan *mualaf* Orang Asli, dapat dikenalpasti item mana yang paling banyak dipilih oleh responden terhadap sesuatu pertanyaan. Dalam Jadual 6, jelas menggambarkan bahawa item 1 adalah item yang paling ketara di dalam faktor perkahwinan.

Jadual 6 Taburan faktor pemelukan Islam melalui perkahwinan *mualaf* Orang Asli

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mode
1	Saya mengetahui akan kepentingan dan kelebihan perkahwinan di dalam agama Islam.	1	5	3.43	4
2	Saya mula mengenal Islam setelah melihat adat perkahwinan masyarakat Islam.	1	5	2.85	4
3	Perkahwinan masyarakat Islam yang mudah dan tidak menyusahkan membuka mata saya untuk mendalami Islam.	1	5	3.00	4
4	Saya mengenal agama Islam setelah saya tertarik dan ingin mengahwini wanita Islam	1	5	2.85	2
5	Perkahwinan di antara ibu dan bapa saya menyebabkan saya ingin mendekati agama Islam.	1	5	2.38	2

Sumber: Soal Selidik, 2016

ii. Bantuan Kewangan

Hasil kajian berkaitan faktor pemelukan Islam melalui bantuan kewangan *mualaf* Orang Asli mendapati bahawa terdapat seramai 10 orang responden (25.0%) yang mengatakan mereka sangat bersetuju dengan item 10 “Saya ingin menyumbangkan harta saya pada jalan Islam”. Item 10 merupakan item yang tertinggi undiannya bagi pilihan jawapan sangat bersetuju. Manakala bagi pilihan jawapan setuju juga menunjukkan majoriti daripada responden menjawab item 10 “Saya ingin menyumbangkan harta saya pada jalan Islam” juga sebagai pilihan jawapan. Jelas membuktikan bahawa item ini merupakan item yang paling ketara

sekali di dalam pilihan jawapan yang telah diberikan. Taburan faktor pemelukan Islam melalui bantuan kewangan boleh dirujuk pada Jadual 7.

Jadual 7 Taburan faktor pemelukan Islam melalui bantuan kewangan *mualaf* Orang Asli

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat bersetuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
6	Saya tertarik dengan kehebatan sedekah yang terdapat dalam agama Islam.	0 (0.0%)	2 (5.0%)	8 (20.0%)	25 (62.5%)	5 (12.5%)
7	Saya memeluk agama Islam setelah terdapat individu Islam yang membantu saya ketika berada dalam kesusahan.	3 (7.5%)	6 (15.0%)	4 (10.0%)	19 (47.5%)	8 (20.0%)
8	Terdapat badan bukan kerajaan yang membela masyarakat yang baru memeluk agama Islam menyebabkan saya tertarik pada Islam.	1 (2.5%)	13 (32.5%)	8 (20.0%)	14 (35.0%)	4 (10.0%)
9	Bantuan yang diberikan oleh Lembaga Zakat Selangor mampu mengubah persepsi awal yang saya letakkan terhadap agama Islam.	2 (5.0%)	18 (45.0%)	4 (10.0%)	13 (32.5%)	3 (7.5%)
10	Saya ingin menyumbangkan harta saya pada jalan Islam.	0 (0%)	1 (2.5%)	3 (7.5%)	26 (65.0%)	10 (25.0%)

Sumber: Soal Selidik, 2016

Dalam Jadual 8, secara keseluruhannya jelas mendapati bahawa golongan *mualaf* Orang Asli sangat bersetuju dengan item 10 iaitu “Saya ingin menyumbangkan harta saya pada jalan Islam” seramai 10 orang (25.0%).

Jadual 8 Taburan faktor pemelukan Islam melalui bantuan kewangan *mualaf* Orang Asli

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mode
6	Saya tertarik dengan kehebatan sedekah yang terdapat dalam agama Islam.	1	5	3.83	4
7	Saya memeluk agama Islam setelah terdapat individu Islam yang membantu saya ketika berada dalam kesusahan.	1	5	3.58	4
8	Terdapat badan bukan kerajaan yang membela masyarakat yang baru memeluk agama Islam menyebabkan saya tertarik pada Islam.	1	5	3.18	4
9	Bantuan yang diberikan oleh Lembaga Zakat Selangor mampu mengubah persepsi awal yang saya letakkan terhadap agama Islam.	1	5	2.93	2

10	Saya ingin menyumbangkan harta saya pada jalan Islam.	1	5	4.13	4
----	---	---	---	------	---

Sumber: Soal Selidik, 2016

iii. Mandapat Ilham

Hasil kajian terhadap faktor pemelukan Islam melalui ilham *mualaf* Orang Asli mendapati bahawa item 12 “Setelah mendengar laungan azan, hati saya terasa jatuh cinta terhadap Islam” merupakan item yang tertinggi skornya bagi pilihan jawapan setuju iaitu sebanyak 23 orang (57.6%). Manakala item yang tertinggi bagi pilihan jawapan sangat bersetuju adalah item 13 iaitu Alunan ayat suci Al-Quran yang sering dialunkan oleh masyarakat Islam setempat, menyebabkan saya menyukai agama Islam iaitu sebanyak 17 orang (42.5%). Perkara ini dibuktikan melalui dapatan kajian dalam Jadual 4.17. Item yang paling tinggi pilihan jawapan untuk sangat tidak setuju adalah item 11 “Saya mendapat mimpi tentang kebenaran agama suci Islam”, iaitu sebanyak 11 orang (27.5%). Bukti boleh dirujuk pada Jadual 9.

Jadual 9 Taburan faktor pemelukan Islam melalui ilham *mualaf* Orang Asli

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat bersetuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
11	Saya mendapat mimpi tentang kebenaran agama suci Islam.	11(27.5%)	12 (30.0%)	4(10.0%)	9(22.5%)	4 (10.0%)
12	Setelah mendengar laungan azan, hati saya terasa jatuh cinta terhadap Islam.	0 (0.0%)	1 (2.5%)	4(10.0%)	23(57.6%)	12(30.0%)
13	Alunan ayat suci Al-Quran yang sering dialunkan oleh masyarakat Islam setempat, menyebabkan saya menyukai agama Islam.	0 (0.0%)	1 (2.5%)	2(5.0%)	20(50.0%)	17(42.5%)
14	Kuliah-kuliah yang disampaikan oleh para ustaz di masjid/surau/televesyen/radio, menarik perhatian saya terhadap Islam.	0 (0.0%)	5 (12.5%)	6 (15.0%)	21 (52.5%)	8 (20.0%)
15	Saya mendapat hidayah untuk menganut agama Islam setelah terjadi bencana alam/kejadian/peringatan dari Allah memberitahu akan kewujudan diri-Nya.	9 (22.5%)	18 (45.0%)	7(17.5%)	3 (7.5%)	3 (7.5%)

Sumber: Soal Selidik, 2016

Dalam Jadual 10, purata *mean* (min) dan *mode* (mod) dalam faktor pemelukan Islam melalui ilham *mualaf* Orang Asli menunjukkan terdapat 1 item yang mempunyai skor tertinggi nilai min iaitu item 13 “Alunan ayat suci Al-Quran yang sering dialunkan oleh masyarakat Islam setempat, menyebabkan saya menyukai agama Islam” iaitu sebanyak 4.33 nilai min.

Jadual 10 Taburan faktor pemelukan Islam melalui ilham *mualaf* Orang Asli

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mod
-----	---------	---------	---------	-----	-----

11	Saya mendapat mimpi tentang kebenaran agama suci Islam.	1	5	2.58	2
12	Setelah mendengar laungan azan, hati saya terasa jatuh cinta terhadap Islam.	1	5	4.15	4
13	Alunan ayat suci Al-Quran yang sering dialunkan oleh masyarakat Islam setempat, menyebabkan saya menyukai agama Islam.	1	5	4.33	4
14	Kuliah-kuliah yang disampaikan oleh para ustaz di masjid/surau/televisyen/radio, menarik perhatian saya terhadap Islam.	1	5	3.80	4
15	Saya mendapat hidayah untuk menganut agama Islam setelah terjadi bencana alam/kejadian/peringatan dari Allah memberitahu akan kewujudan diri-Nya.	1	5	2.33	2

Sumber: Soal Selidik, 2016

iv. Pengkajian

Di dalam faktor pengkajian ini, penulis ingin melihat sejauh mana masyarakat *mualaf* Orang Asli mengkaji tentang Islam sebelum mereka memeluk agama Islam ini. Merujuk kepada Jadual 11, jelas menunjukkan bahawa item 18 “Saya suka mengkaji tentang agama-agama di dunia sehingga saya menjumpai bahawa agama Islam adalah agama yang benar ” adalah item yang paling menonjol. Ini kerana, seramai 4 orang (7.3%) sangat bersetuju dan seramai 19 orang (34.5%) bersetuju dengan persoalan ini. Jika dilihat juga pada pilihan jawapan tidak pasti, item 18 “Saya suka mengkaji tentang agama-agama di dunia sehingga saya menjumpai bahawa agama Islam adalah agama yang benar” merupakan item yang responden tidak pasti akan jawapan yang mereka ingin pilih. Jika dirujuk juga kepada item 17 “Kajian saya semasa berada di sekolah/kolej/universiti adalah berkait rapat dengan agama Islam”, item ini mempunyai pilihan tertinggi bagi jawapan tidak setuju iaitu sebanyak 19 orang (47.5%) responden yang tidak setuju dengan pilihan jawapan ini. Manakala item 17” Kajian saya semasa berada di sekolah/kolej/universiti adalah berkait rapat dengan agama Islam” dan 20” Saya suka mengkaji mengenai sejarah sehinggakan saya tertarik terhadap sejarah kedatangan Islam dan ianya menyebabkan saya memeluk agama Islam” pula menunjukkan item yang paling tertinggi untuk sangat tidak setuju iaitu sebanyak 7 orang (17.5%) untuk item 17 dan 7 orang (17.5%) untuk item 20.

Jadual 11 Taburan faktor pemelukan Islam melalui pengkajian *mualaf* Orang Asli

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat bersetuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
16	Saya sering mengkaji tentang Islam melalui pembacaan saya di internet dan buku-buku.	5 (12.5%)	18 (45.0%)	6(15.0%)	8 (20.0%)	3(7.5%)
17	Kajian saya semasa berada di sekolah/kolej/universiti adalah berkait rapat dengan agama	7(17.5%)	19 (47.5%)	7(17.5%)	7 (17.5%)	0 (0.0%)

18	Islam. Saya suka mengkaji tentang agama-agama di dunia sehingga saya menjumpai bahawa agama Islam adalah agama yang benar.	5 (9.1%)	7 (12.7%)	20 (36.4%)	19 (34.5%)	4 (7.3%)
19	Dengan mengkaji asal-usul agama, saya mengetahui bahawa agama Islam adalah agama yang sebenar.	6 (15.0%)	21 (52.6%)	5(12.5%)	6 (15.0%)	2 (5.0%)
20	Saya suka mengkaji mengenai sejarah sehinggakan saya tertarik terhadap sejarah kedatangan Islam dan ianya menyebabkan saya memeluk agama Islam.	7 (17.5%)	23 (57.5%)	4 (10.0%)	5(12.5%)	1 (2.5%)

Sumber: Soal Selidik, 2016

Dalam Jadual 12, purata *mean* (min) dan *mode* (mod) dalam faktor pemelukan Islam melalui pengkajian *mualaf* Orang Asli menunjukkan terdapat 1 item yang mempunyai skor tertinggi nilai min iaitu item 16 “Saya sering mengkaji tentang Islam melalui pembacaan saya di internet dan buku-buku” iaitu sebanyak 2.65 nilai min. Ini membuktikan bahawa masyarakat *mualaf* Orang Asli ini minat untuk mengkaji terlebih dahulu agama Islam sebelum mereka menerima secara penuh agama ini. Bukti nilai min boleh dirujuk pada Jadual 4.20.

Jadual 12 Taburan faktor pemelukan Islam melalui ilham *mualaf* Orang Asli

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mod
16	Saya sering mengkaji tentang Islam melalui pembacaan saya di internet dan buku-buku.	1	5	2.65	2
17	Kajian saya semasa berada di sekolah/kolej/universiti adalah berkait rapat dengan agama Islam.	1	5	1.76	2
18	Saya suka mengkaji tentang agama-agama di dunia sehingga saya menjumpai bahawa agama Islam adalah agama yang benar.	1	5	2.35	2
19	Dengan mengkaji asal-usul agama, saya mengetahui bahawa agama Islam adalah agama yang sebenar.	1	5	2.43	2
20	Saya suka mengkaji mengenai sejarah sehinggakan saya tertarik terhadap sejarah kedatangan Islam dan ianya menyebabkan saya memeluk agama Islam.	1	5	2.25	2

Sumber: Soal Selidik, 2016

v. Pengaruh

Jika dirujuk pada Jadual 13, dapat dilihat bahawa item 21 “Saya menganut agama Islam setelah dipengaruhi oleh kekasih saya yang beragama Islam.” dan item 25 “Saya berminat dengan agama Islam ini sejak saya kecil lagi” mempunyai kekerapan jawapan bagi pilihan jawapan sangat bersetuju sebanyak 4(10.0%) orang bagi setiap item. Item 22 “Rakan-rakan yang beragama Islam sering mempengaruhi saya untuk mendalami agama Islam.” Mempunyai rekod seramai 20 orang (50.0%) bagi pilihan jawapan setuju. Seramai 13

orang (32.5%) yang menjawab item 24 sangat tidak bersetuju bahawa dengan cara berdebat mereka dapat mengenali agama Islam dengan lebih rapat dan akrab. Manakala bagi item paling tinggi sangat tidak setuju ialah item 23 “Ketika saya berada di bangku sekolah/kolej/universiti, guru saya sering mempengaruhi saya dengan menceritakan keindahan dan kebenaran Islam” iaitu seramai 18 orang (45.0%).

Jadual 13 Taburan faktor pemelukan Islam melalui pengaruh *mualaf* Orang Asli

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat bersetuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
21	Saya menganut agama Islam setelah dipengaruhi oleh kekasih saya yang beragama Islam.	15 (37.5%)	9 (22.5%)	1 (2.5%)	11(27.5%)	4(10.0%)
22	Rakan-rakan yang beragama Islam sering mempengaruhi saya untuk mendalami agama Islam.	9 (22.5%)	7 (17.5%)	1(2.5%)	20(50.0%)	3 (7.5%)
23	Ketika saya berada di bangku sekolah/kolej/universiti, guru saya sering mempengaruhi saya dengan menceritakan keindahan dan kebenaran Islam.	18 (45.0%)	15(37.5%)	3(7.5%)	2(5.0%)	2(5.0%)
24	Setelah berdebat bersama individu Islam, beliau amat meyakinkan saya akan kebenaran Islam.	13(32.5%)	14(35.0%)	7(17.5%)	5 (12.5%)	1 (2.5%)
25	Saya berminat dengan agama Islam ini sejak saya kecil lagi.	11 (27.5%)	14(35.0%)	1 (.5%)	10 (25.0%)	4 (10.0%)

Sumber: Soal Selidik, 2016

Bagi menilai purata nilai *mean* (min) dan *mode* (mod), penulis melengkapkan perkara tersebut di dalam Jadual 14. Jika dirujuk pada jadual, purata nilai min tertinggi adalah pada item 22 “Rakan-rakan yang beragama Islam sering mempengaruhi saya untuk mendalami agama Islam ” yang mana purata nilai min adalah sebanyak 3.03. Manakala, nilai min terendah adalah pada item 23 “Ketika saya berada di bangku sekolah/kolej/universiti, guru saya sering mempengaruhi saya dengan menceritakan keindahan dan kebenaran Islam”. iaitu sebanyak 1.88%. Jika dirujuk jadual ini, maka dapat disimpulkan bahawa rakan-rakan beragama Islam yang mempengaruhi untuk golongan bukan muslim menyukai Islam merupakan cara yang berkesan di dalam menyampaikan Islam kepada golongan masyarakat Orang Asli ini. Tidak ramai dari kalangan mereka yang meminati agama Islam sejak dari kecil lagi.

Jadual 14 Taburan faktor pemelukan Islam melalui pengaruh *mualaf* Orang Asli

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mod
21	Saya menganut agama Islam setelah dipengaruhi oleh kekasih saya yang beragama Islam.	1	5	2.50	1
22	Rakan-rakan yang beragama Islam sering mempengaruhi saya untuk mendalami agama Islam.	1	5	3.03	4

23	Ketika saya berada di bangku sekolah/kolej/universiti, guru saya sering mempengaruhi saya dengan menceritakan keindahan dan kebenaran Islam.	1	5	1.88	1
24	Setelah berdebat bersama individu Islam, beliau amat meyakinkan saya akan kebenaran Islam.	1	5	2.18	2
25	Saya berminat dengan agama Islam ini sejak saya kecil lagi.	1	5	2.55	2

Sumber: Soal Selidik, 2016

vi. Minat Terhadap Islam

Jadual 15 menunjukkan bahawa 9 orang (22.5%) yang sangat bersetuju dengan item 30 “Minat saya yang mendalam untuk mendalami agama suci Islam ini menyebabkan saya akhirnya jatuh cinta pada Islam” dan manakala pilihan tertinggi untuk item setuju ialah seramai 27 orang (67.5%) yang setuju dengan item 27 “Saya amat berminat dengan kehidupan dan cara hidup masyarakat Islam di sekeliling saya”. Jelas membuktikan bahawa golongan *mualaf* Orang Asli ini bersungguh sungguh untuk mendalami ilmu agama Islam sehingga menyebabkan akhirnya mereka jatuh cinta terhadap Islam. Pada item 26 “Saya meminati para ustaz yang menyampaikan ceramah agama sehingga saya bertekad untuk mengikuti agama mereka” dan item 28 “Minat saya terhadap bait taranum yang dialunkan di dalam azan dan ketika pembacaan Al-Quran membuatkan saya jatuh hati terhadap Islam”, seramai 16 orang (40.0%) golongan ini yang bersetuju dengan pernyataan ini. Dan item yang mendapat undian paling tinggi untuk sangat tidak setuju ialah item 28 “Minat saya terhadap bait taranum yang dialunkan di dalam azan dan ketika pembacaan Al-Quran membuatkan saya jatuh hati terhadap Islam” iaitu dan item 29 “Saya berminat dengan nasyid yang sering didendangkan oleh penyanyi nasyid sehinggakan saya tertarik kepada Islam” iaitu masing-masing memperoleh undian 3 orang (7.5%).

Jadual 15 Taburan faktor pemelukan Islam melalui minat terhadap sesuatu *mualaf* Orang Asli

BIL	PERKARA	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat bersetuju
		F (%)	F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
26	Saya meminati para ustaz yang menyampaikan ceramah agama sehingga saya bertekad untuk mengikuti agama mereka.	0(0.0%)	8 (20.0%)	10 (25.0%)	20 (50.0%)	2 (5.0%)
27	Saya amat berminat dengan kehidupan dan cara hidup masyarakat Islam di sekeliling saya.	1 (2.5%)	1 (2.5%)	7(17.5%)	27(67.5%)	4 (10.0%)
28	Minat saya terhadap bait taranum yang dialunkan di dalam azan dan ketika pembacaan Al-Quran membuatkan saya jatuh hati terhadap Islam.	3 (7.5%)	3 (7.5%)	14 (35.0%)	16 (40.0%)	4 (10.0%)

29	Saya berminat dengan nasyid yang sering didendangkan oleh penyanyi nasyid sehinggakan saya tertarik kepada Islam.	3 (7.5%)	15 (37.5%)	9 (22.5%)	12(30.0%)	1 (2.5%)
30	Minat saya yang mendalam untuk mendalami agama suci Islam ini menyebabkan saya akhirnya jatuh cinta pada Islam.	1 (2.5%)	7 (17.5%)	7(17.5%)	16 (40.0%)	9(22.5%)

Sumber: Soal Selidik, 2016

Purata nilai *mean* (min) tertinggi adalah pada pilihan jawapan item 29 “Saya berminat dengan nasyid yang sering didendangkan oleh penyanyi nasyid sehinggakan saya tertarik kepada Islam”, iaitu sebanyak 3.38. Golongan ini jelas berminat terhadap nyanyian nasyid dari penyanyi-penyanyi nasyid yang ada. Manakala nilai min terendah adalah pada item 28 iaitu “Minat saya terhadap bait taranum yang dialunkan di dalam azan dan ketika pembacaan Al-Quran membuatkan saya jatuh hati terhadap Islam” iaitu sebanyak 3.38 nilai min. Ramai juga dikalangan mereka yang berminat terhadap cara hidup Islam sebelum mereka mengenali secara mendalam agama suci ini.

Jadual 16 Taburan faktor pemeluk Islam melalui minat terhadap sesuatu *mualaf* Orang Asli

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mod
26	Saya meminati para ustaz yang menyampaikan ceramah agama sehingga saya bertekad untuk mengikut agama mereka.	1	5	3.40	4
27	Saya amat berminat dengan kehidupan dan cara hidup masyarakat Islam di sekeliling saya.	1	5	3.80	4
28	Minat saya terhadap bait taranum yang dialunkan di dalam azan dan ketika pembacaan Al-Quran membuatkan saya jatuh hati terhadap Islam.	1	5	3.38	4
29	Saya berminat dengan nasyid yang sering didendangkan oleh penyanyi nasyid sehinggakan saya tertarik kepada Islam.	1	5	3.83	2
30	Minat saya yang mendalam untuk mendalami agama suci Islam ini menyebabkan saya akhirnya jatuh cinta pada Islam.	1	5	3.63	4

Sumber: Soal Selidik, 2016

5. KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor tarikan masyarakat Orang Asli memeluk Islam terbahagi kepada enam faktor. Antaranya ialah perkahwinan, bantuan kewangan, mendapat ilham, pengkajian, pengaruh dan minat terhadap sesuatu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor ketara golongan *mualaf* Orang Asli adalah dalam faktor minat terhadap sesuatu iaitu item alunan ayat suci Al-Quran yang sering dialunkan oleh masyarakat Islam setempat menyebabkan saya menyukai agama Islam. Ini menunjukkan bahawa majoriti dalam kalangan responden berminat terhadap faktor tersebut sebelum mengenali agama

Islam. Jadi jelas menunjukkan kepada golongan pendakwah, dengan alunan ayat suci al-Quran sebenarnya mampu membawa muafak untuk mengenali Allah dan agama Allah dengan lebih dekat. Golongan Qari harus memperbanyakkan lagi majlis-majlis membaca al-Quran.

6. RUJUKAN

- Hasan Mat Nor, 1998. *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*. Kertas Kadangkala Bil. 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Iskandar Carey, 1976. *Orang Asli: The Aboriginal of Penisular Malaysia*. First Edition. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 2015. Edisi Keempat, Cet. Keenam, Kuala Lumpur: Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd.
- Laporan JAKOA Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan*, 2014. Shah Alam: JAKOA Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan.
- Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2003. *Isu Pembangunan dan Dampak Sosial di Kalangan Masyarakat Orang Asli*. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.